

SEKILAS INFO

PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI DAN RISIKO



Pelaksanaan & Pemantauan UNIMAS ACTION PLAN 2025

Pelaksanaan UNIMAS Action Plan 2025 merupakan langkah penting dalam memastikan visi dan misi universiti tercapai melalui strategi yang terancang dan sistematik. Dalam tempoh ini, SF Owner telah diberikan surat kuasa untuk melaksanakan pelan tindakan masing-masing yang telah digubal sebelum ini. Ini membolehkan mereka bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pencapaian inisiatif yang telah ditetapkan dan memastikan bahawa setiap inisiatif dilaksanakan mengikut jadual serta objektif yang telah ditetapkan.



Hasil utama atau key results yang perlu dicapai disampaikan dan diturunkan daripada SF Owner kepada setiap lapisan PTj di bawah seliaannya yang terlibat. Pendekatan ini adalah untuk memastikan strategi Universiti jelas difahami oleh setiap anggota organisasi dan bergerak ke arah matlamat yang sama.

Pengurusan Risiko Reputasi 2025



Pada 20 Februari 2025, Puan Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman, Pegawai SQRC telah menghadiri kursus Pengurusan Risiko Reputasi yang dianjurkan oleh USM di mana antara slot perbincangan adalah: Penjenamaan Membina Reputasi Organisasi; Hak dan Had Pernyataan Awam oleh Kakitangan Kerajaan; Implikasi Perundangan dalam Kes Reputasi; Peranan Perhubungan Awam dalam pengurusan Risiko Reputasi; dan Peranan Media dalam Pengurusan Risiko Reputasi.



MESYUARAT KERJA PEMANTAPAN KUALITI DATA SISTEM MYMOHES UNIVERSITI AWAM (UA) DAN MESYUARAT KUALITI DATA BIL.1/2025



Pada 23 dan 24 Februari 2025 (Ahad dan Isnin), Mesyuarat Kerja Pemantapan Kualiti Data Sistem MyMoheS Universiti Awam dan Mesyuarat Kualiti Data Bil.1/2025 telah diadakan di Adya Hotel Langkawi, Kedah. Mesyuarat ini diadakan untuk membincangkan hasil analisis data serta isu-isu berkaitan dengan data yang diterima daripada setiap modul yang dihantar melalui sistem MyMoheS. Ia dihadiri oleh wakil-wakil dari universiti awam untuk berkongsi dan menganalisis maklumat yang telah dikumpulkan. UNIMAS telah menghantar dua orang Pegawai daripada SQRC dan TAHODC yang terlibat secara langsung dengan pembangunan sistem MyMoheS UNIMAS.



Dapatan hasil analisis serta sebarang masalah teknikal yang timbul turut dibincangkan bagi memastikan ketepatan dan kualiti data yang dihantar oleh universiti melalui sistem MyMoheS dalam proses pembuatan keputusan yang lebih tepat dan objektif.

Selain itu, mesyuarat ini juga turut membincangkan dan membentangkan keputusan penarafan bintang bagi setiap universiti awam berdasarkan kutipan data yang telah dilakukan dengan tarikh cut-off pada 31 Disember 2024. Penarafan bintang ini merupakan indikator yang penting untuk menilai prestasi dan kualiti universiti awam dalam pelbagai aspek.



SOROTAN AKTIVITI

PROGRAM SQRC FEB 2025



Bil	Perkara	Tarikh
1.	Pengedaran Surat Pemakluman Pelaksanaan, Pelataan, Pemantauan dan Pelaporan Pelan Tindakan UNIMAS 2025 kepada SF Owner 6/2/2025	6/2/2024
2.	Chinese New Year Potluck	7/2/2025
3.	Exit Conference Auditan Pengurusan Pusat Tanggungjawab di Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti Dan Risiko (SQRC)	10/2/2025
4.	Kursus Pengurusan Risiko Reputasi USIM	20/2/2025
5.	Mesyuarat Kerja Pemantapan Kualiti Data Sistem MyMoheS Universiti Awam dan Mesyuarat Kualiti Data Bil.1/2025	23 – 24/2/2025
6.	Mesyuarat Pentadbiran SQRC Bil.1/2025	28/2/2025
7.	Ramadan Mubarak Potluck	28/2/2025



PENGURUSAN & PENTADBIRAN

Pengarah, Prof Gs Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Helen Tan Sui Hong & Ir Dr Marini Sawawi | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu & Puan Dayang Zuliana Abang Abd Rahman | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan**, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

eISSN 2948-5088



STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko
 Universiti Malaysia Sarawak
 Aras 3, Canselor
 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
<http://www.sqrc.unimas.my/>